

UTUSAN MALAYSIA 26 APRIL 2017

MoU UPNM, Universiti Peking kukuh hubungan bidang pendidikan

KUALA LUMPUR 25 April - Pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan Universiti Peking, China dijangka mampu mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan antara Malaysia dan China.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau telah menyaksikan majlis pemeteraian MoU itu sewaktu lawatan beliau ke Beijing, China baru-baru ini.

Katanya, sewaktu berada di

sana beliau juga telah membincangkan isu-isu semasa bersama Pengerusi Universiti Peking, Profesor Dr. Hao Ping.

“Saya dan Hao Ping berkongsi harapan sama agar pemeteraian memorandum persefahaman ini berupaya memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara kedua-dua universiti.

“Ini termasuk pelaksanaan lebih banyak program pertukaran pelajar serta mempelbagaikan lagi program penyelidikan dan pembangunan,” katanya

menerusi Facebook beliau hari ini.

Selain itu, Hishammuddin berkata, sewaktu berada di Beijing itu juga beliau turut menyaksikan pemeteraian sub kontrak antara Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) dengan China Shipbuilding & Offshore International Co. Ltd (CSOC).

Katanya, MoU itu berhubung pembinaan secara bersama empat buah kapal Littoral Mission Ship (LMS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

“Perolehan LMS ini merupakan sebahagian daripada perancangan di bawah Pelan Transformasi #15to5 yang sedang dilaksanakan TLDM ketika ini.

“Dua kapal pertama daripada empat buah LMS ini bakal dibina di China manakala dua lagi kapal bakal dibina di Malaysia,” katanya.

Hishammuddin berkata, perolehan LMS ini merupakan sejarah penting buat negara memandangkan ini merupakan kali pertama negara membeli aset pertahanan dari China.